

TARIKH: 16/7/23
SURAT KHABAR: Kosmo Anad
MUKA SURAT: 10

Sasar sejuta pekerja sertai keahlian kesatuan sekerja

Oleh AIMUNI TUAN LAH


GUA MUSANG — Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS), iaitu agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia menyasarkan seramai sejuta keahlian akan menyertai kesatuan sekerja menjelang akhir tahun ini.

Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja Malaysia, Kamal Pardi berkata, sehingga kini, sebanyak 760 buah kesatuan atau 960,000 orang pekerja di negara ini mendaftar sebagai ahli.

Katanya, pekerja digalakkan menyertai kesatuan sekerja kerana ia bertindak sebagai perunding antara pekerja dan majikan, terutamanya melibatkan kebijakan selain faedah yang lebih banyak kepada mereka.

"Kita dapati keahlian kesatuan sekerja di negara ini masih belum mencapai tahap yang diharapkan kerana jumlah itu tidak mencecah sejuta orang pada masa ini.

"Saya berharap pekerja di negara ini menyertai kesatuan sekerja dan bergerak sebagai kumpulan yang membantu majikan dan bukannya menjadi golongan pendesak," katanya selepas merasmikan Program Tanggung-



KAMAL (berdiri, kanan) bersama seorang belia Orang Asli yang mengisi borang untuk menyertai Askar Wataniah di Pos Brooke, Gua Musang kelmarin. — AIMUNI TUAN LAH

jawa Sosial (CSR) JHEKS bersama masyarakat Orang Asli di Pos Brooke di sini kelmarin.

Kamal memberitahu, sebanyak 20 agensi dan 30 kesatuan sekerja di negeri Kelantan dan Terengganu selain beberapa negeri lain menyertai program CSR tersebut yang memberi perkhidmatan termasuk membuka peluang pekerjaan kepada penduduk Orang Asli.

Katanya, selain mempromosi-

kan kepentingan kesatuan pekerja dalam kalangan masyarakat, pihaknya juga mahu memberi peluang pekerjaan kepada penduduk Orang Asli termasuk dengan menyertai Askar Wataniah.

"Belia Orang Asli yang berbolehan selepas menamatkan pengajian boleh menyertai Askar Wataniah sebagai permulaan untuk mereka meneruskan kerjaya masing-masing pada masa akan datang," katanya.

Kosmo Anad
16/7/23 ms 10